

24 JAN 2004

Mustapa-calon

BERI TUMPUAN KEPADA KEMENANGAN BN, KETEPIKAN AGENDA PERIBADI

TANAH MERAH, 24 Jan (Bernama) -- Anggota dan pemimpin Umno di Kelantan diminta memberi tumpuan ke arah memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang dengan mengetepikan agenda peribadi termasuk soal calon.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata perbuatan sesetengah pihak merendahkan martabat pihak lain untuk menjadi calon perlu dihentikan segera.

"Untuk menyelesaikan masalah ini, satu cara sahaja iaitu kita ketepikan agenda peribadi, kita bekerja untuk Umno dan BN, bukan untuk diri kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Bulan Pemakanan dan Kem Kesihatan peringkat daerah Tanah Merah di sini hari ini.

Mustapa berkata isu lobi melobi untuk menjadi calon bagaimanapun bukan isu besar di Kelantan dan beliau yakin perkara itu dapat ditangani.

Beliau berkata Badan Perhubungan Umno Kelantan sedang memastikan sokongan rakyat terhadap Umno terus meningkat dan jentera pilihan rayanya pula bergerak dengan lancar.

Ditanya sama ada Umno Kelantan akan mendapatkan khidmat bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menghadapi pilihan raya umum, Mustapa berkata beliau akan memastikan Dr Mahathir dapat berada di Kelantan semasa kempen pilihan raya nanti.

Katanya Dr Mahathir pernah menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan telah banyak menyumbang kepada parti termasuk membina kembali kekuatan selepas Umno Kelantan tewas kepada PAS pada 1990.

"Tun telah bekerja begitu gigih bagi membimbing kami, (dan) kita mengenang jasa beliau. InsyaAllah kita juga akan memastikan Tun Dr Mahathir berada di Kelantan dalam kempen pilihan raya nanti," katanya.

-- BERNAMA

SMO BD MAI